

**Jasa Kedah Adakan Program Prihatin 1Malaysia Di Semua Kawasan Parlimen  
Bernama  
15 April , 2012**

BANDAR BAHARU, 15 April (Bernama) -- Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) Negeri Kedah akan memperluaskan program Prihatin 1Malaysia (P!M) yang diadakan buat pertama kali di pekan Selama dekat sini selama tiga hari sehingga semalam.

Pengarah Jasa Kedah Shahrul Anuar Roze berkata pihaknya akan mengadakan program sama di 14 lagi kawasan parlimen di Kedah dalam tempoh dua bulan akan datang.

"Berdasarkan kejayaan dan sambutan baik masyarakat, kini pihak jabatan mendapat beberapa petunjuk positif dalam menjayakan program sama kelak," katanya kepada pemberita selepas perasmian program itu, di sini semalam.

Katanya program itu bertujuan merapatkan lagi perpaduan masyarakat majmuk di negeri ini di samping menjelaskan program transformasi kerajaan dengan lebih mendalam.

Antara aktiviti yang diadakan ialah sukan tradisional, sukan kanak-kanak serta ceramah dan program kunjungan ke rumah golongan miskin.

Kira-kira 2,000 penduduk dari kawasan sekitar pekan Selama hadir sepanjang tiga hari program berlangsung.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659135>